

Headline	Kertas siasatan pusat tahfiz hampir siap		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Sep 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	6
ArticleSize	353 cm ²	Journalist	ZAAIN ZIN
PR Value	RM 20,930		



MOHAMAD FUZI HARUN (tiga dari kiri) bersama Kontinjen Kedah yang menjadi johan inovasi dalam majlis sambutan Hari Inovasi PDRM 2017 di UMK, Kota Bharu, semalam. - UTUSAN/ROSNI MASRI

Kertas siasatan pusat tahfiz hampir siap

Oleh ZAAIN ZIN

pengarang@utusan.com

■ KOTA BHARU 20 SEPT.

POLIS yakin kertas siasatan berhubung kes kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Datuk Keramat, Kuala Lumpur yang mengorbankan 23 nyawa, Khamis lalu dapat disiapkan dalam masa terdekat.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun berkata, pihaknya menyedari kes tersebut merupakan kes jenayah berprofil tinggi dan rakyat mahu melihat kesemua individu yang mendalangi kejadian dibawa ke muka pengadilan secepat mungkin.

Jelas beliau, kertas siasatan kes itu sepatutnya sudah leng-

kap, namun beberapa kekangan dihadapi polis melewatkannya sedikit proses tersebut.

"Antara kekangan itu ialah kita tidak boleh mengambil keterangan mangsa yang masih dirawat di hospital. Kita tidak boleh ganggu mangsa sekarang sehingga keadaan mereka beransur pulih."

"Sementara itu, kita perlu dapatkan laporan agensi seperti TNB (Tenaga Nasional Berhad), bomba, Jabatan Kimia dan Forensik. Mereka memerlukan sedikit masa, jadi kita kena akur terhadap tempoh yang diminta sebelum melengkapkan siasatan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan sambutan Hari Inovasi Peringkat Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2017 di Universiti Ma-

laysia Kelantan (UMK) di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Seri Wan Ahmad Najmuddin Mohd. dan Ketua Polis negeri, Datuk Hasanuddin Hassan.

Dalam pada itu, Mohamad Fuzi berkata, desas-desus mengatakan ibu bapa kesemua suspek utama kes akan turut didakwa hanya bersifat spekulasi.

Katanya, ibu bapa suspek tidak mempunyai kaitan dengan kes tersebut dan polis melihat tiada keperluan mendakwa mereka seperti mana dihebohkan di media sosial.

"Itu spekulasi sahaja. Tidak perlu diperbesar-besarkan, saya fikir ibu bapa mereka tidak ada kena-mengena dalam kes ini. Kita kena buat saranan yang adil dan sewajarnya," ujarnya.